

Umno Senai akan disiasat: Najib

BH 16 JUN 2002

Oleh **HASNIRA HASSAN**

MELAKA: Umno akan menyasat tindakan Umno Bahagian Senai meluluskan undi tidak percaya terhadap Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, pada mesyuarat khas jawatankuasa bahagian itu Rabu lalu, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Dalam Umno biasanya kita tidak menggalakkan undi tidak percaya dibuat sebagai satu dasar. Bagaimanapun, kita akan siasat perkara ini," katanya.

"Sebarang permasalahan yang timbul haruslah dikemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT) atau Badan Perhubungan Umno negeri untuk dibincang bersama," katanya kepada pemberita selepas rasminan Konvensyen Umno Melaka 2002 di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, di sini, semalam.

Najib berkata demikian sebagai mengulas tindakan

Umno bahagian Senai meluluskan undi tidak percaya terhadap Musa yang didakwa gagal menangani permasalahan membabitkan pelajar Bumiputera.

Umno bahagian itu memutuskan Musa tidak menjaga kepentingan Melayu untuk jangka panjang; memberi alasan tidak kukuh dalam membuat keputusan dan membuat keputusan secara 'ad-hoc' tanpa perancangan.

Ketua Umno Bahagian Senai, Adam Abdul Hamid, dilaporkan berkata Umno bahagian itu turut meluluskan usul tidak bersetuju cadangan kerajaan menyediakan kuota 10 peratus kepada bukan Bumiputera di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan kursus matrikulasi serta cadangan menggunakan bahasa Inggeris bagi pengajaran Matematik.

Terdahulu dalam ucapan-nva. Najiib berkata. Umno

adalah parti bertunjangan semangat nasionalisme baru dan bertanggungjawab menjaga kepentingan Melayu.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan supaya ahli Umno sentiasa mengekalkan jati diri mereka jika ingin terus berjaya dan dihormati oleh pihak lain.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, penetapan dan pelaksanaan sistem kuota bukan jalan terbaik dalam usaha memastikan lebih ramai pelajar Bumiputera menyertai institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) milik bukan Bumiputera.

Katanya, kerajaan kini berusaha meningkatkan bilangan lebih ramai pelajar Bumiputera di IPTS milik bukan Bumiputera yang kini hanya mencatatkan kira-kira lima peratus berbanding 40 peratus pembabitkan pelajar Bumiputera di IPTS milik Bumiputera.

"Penetapan kuota akan menyebabkan kita terpaksa membiayai pelajar Bumiputera di IPTS sedangkan tindakan itu bukanlah bermakna kita memberi mereka belajar secara percuma," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dilaporkan semalam, berkata sebarang penetapan kuota bagi pengambilan pelajar ke IPTS akan menyekat kemasukan lebih ramai mereka ke situ.

Mohd Najib berkata, penyelesaian terbaik adalah dengan menambah peruntukan dan pinjaman kepada pelajar Bumiputera di IPTS.

Sehubungan itu, beliau menggalakkan lebih banyak pihak termasuk swasta dan parti politik menambah peruntukan atau biasiswa kepada pelajar Bumiputera di IPTS terbabit.